



WARTA UNIVERSITI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

BIL : 3

OGOS 2005

ISSN : 1675-8560

MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA

Sabtu 20 Ogos 2005

Majlis Konvokesyen bagi menganugerahkan ijazah telah diadakan pada Hari Sabtu, 20 Ogos 2005 jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Canselor Universiti Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin D.K.N.S., D.M.N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), S.P.T.J., S.P.M.K. telah mempengerusikan Majlis Konvokesyen Ketiga. Ijazah-ijazah yang telah dianugerahkan adalah satu ijazah Sarjana dan tiga ratus tujuh puluh tiga ijazah Sarjana Muda.



TITAH UCAPAN CANSELOR DULI YANG MAHA MULIA TUANKU NAJIHAH BINTI ALMARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN D.K.N.S., D.M.N., D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN), S.P.T.J., S.P.M.K.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Beta ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga KUIIM, kerana berjaya mengadakan Majlis Konvokesyen Ketiga yang sungguh meriah dan penuh bermakna ini. Tahniah juga Beta ucapkan kepada semua graduan yang menerima ijazah mereka pada hari ini.

Hari ini KUIIM menempa sejarah kerana dapat mengeluarkan graduan sulung pasca siswazah untuk menerima ijazah Sarjana Syariah dan Kehakiman Tahniah kepada pelajar Sabah Latif Ahmad dari Iraq kerana mencatat sejarah sebagai graduan sulung untuk ijazah Sarjana itu. Bak kata orang-orang tua, setiap perjalanan itu dimulakan dengan langkah pertama.

Maka hari ini, KUIIM sudah memulakan langkah pertama itu. Beta harap bilangan graduan dan program siswazah ini akan bertambah tahun demi tahun bagi menggambarkan tapak kemajuan KUIIM.

Beta yakin, orang yang paling gembira pada majlis ini, selain daripada para graduan, ialah para ibu bapa. Oleh itu, Beta mengucapkan tahniah dan penghargaan yang tinggi kepada semua ibu bapa yang telah berkorban, dan berjaya mendidik anak mereka sehingga memperoleh ijazah pada hari ini. Kepada para graduan, Beta menyeru supaya anda semua menghargai jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh ibu bapa.

Penghargaan juga patut diberikan kepada kerajaan yang telah menyediakan peluang dan kemudahan

yang membolehkan anda mendapat tempat dan seterusnya berjaya mendapat ijazah pilihan masing-masing. Dengan ijazah yang dianugerahkan, para graduan hendaklah menjadi warga negara yang sentiasa cintakan ilmu, berakhlak mulia, berdisiplin, berketrampilan, bersedia memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara, serta sentiasa berpegang kuat kepada ajaran agama. Maka barulah kita boleh menjadikan negara dan bangsa perkasa.


Dari sudut pembangunan akademik, Beta ingin mengucapkan tahniah kepada KUIIM kerana segala perancangan akademik telah berjalan dengan lancar. Beta difahamkan KUIIM kini telah menubuhkan 7 buah fakulti dengan 14 program Ijazah Pertama, di samping 2 Diploma Siswazah dan 3 program Tamhidi.

Satu perkara lagi yang membanggakan beta ialah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah memulakan tahun pertamanya dengan 29 pelajar mulai 11 Julai 2005 yang lalu.

Beta mengetahui KUIIM sedang mengatur beberapa program baru yang untuk ditawarkan mulai tahun 2006 selepas mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Para hadirin sekalian,

Satu lagi perkembangan yang amat menggembirakan Beta ialah tentang pembangunan fizikal kampus tetap di Bandar Baru Nilai. Beberapa bangunan utama di Kampus Tetap Nilai telah pun



siap. Dari segi akademiknya, kuliah di Kampus Nilai telah pun bermula pada 11 Julai 2005.

Dari segi pentadbirannya, perpindahan pertama telah pun bermula pada 16 Julai 2005 secara berperingkat sehinggalah semua fakulti berpindah ke Kampus Nilai nanti.

Perpindahan dari kampus sementara di Pandan Indah ke Kampus Nilai ini adalah berita yang ditunggu-tunggu oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus dan semua kakitangan KUIM.

Hanya Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang masih tinggal di Pandan Indah. Beta juga berharap fakulti ini juga dapat berpindah ke Nilai kerana masyarakat Negeri Sembilan Darul Khusus menunggu serta amat memerlukan fakulti dan hospital universiti untuk memberi perkhidmatan pakar di sana.

Beta mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak pengurusan Universiti dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi, dan juga sebelum ini Kementerian Pendidikan, serta Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sembilan di atas kemajuan yang dicapai setakat ini.

Dengan perpindahan ke Kampus Nilai, maka KUIM boleh melancarkan pelbagai program akademik baru, serta memantapkan dan memperbaiki pelbagai program yang sedia ada. Program pengajaran dan pembelajaran akan lebih efektif dan efisien dengan adanya prasarana dan teknologi yang serba moden. Aktiviti ko-kurikulum termasuklah sukan juga boleh diperluas dan diperhebatkan. Aktiviti kemasyarakatan juga boleh disemarakkan. Semuanya boleh dilaksanakan dengan lebih pesat, teratur dan berkesan.

Beta yakin, dalam tempoh terdekat, dengan usaha gigih dan komitmen semua pihak, Universiti ini akan muncul sebagai sebuah universiti yang unggul. Ini kerana, dalam tempoh lima tahun pertama penubuhannya, program pengajian telah berkembang dengan baik sehingga meliputi bidang-bidang seperti perubatan, sains dan teknologi, kaunseling, komunikasi, undang-undang serta perbankan dan kewangan Islam. Beta mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada KUIM.

Dengan bertambahnya program pengajian dan bilangan fakulti dan pusat, bermakna peluang pendidikan tinggi kepada anak-anak kita bertambah dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan juga dapat dipelbagaikan. Di samping program sarjana muda, Universiti ini juga telah menawarkan program Sarjana dan Doktor Falsafah. Program ini telah menarik bukan sahaja pelajar tempatan, tetapi juga para pelajar dari luar negara.

Walau bagaimanapun, Beta berharap usaha lebih kreatif dan inovatif dapat dilakukan bagi meningkatkan dan mempelbagaikan lagi program akademik, bagi menyediakan program pengajian yang lebih berkualiti dan menarik, sesuai dengan hasrat KUIM untuk menjadi pusat ilmu dan penyelidikan yang terkemuka pada masa hadapan, terutama dalam penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan Islam.

Selain itu, Beta berharap Universiti ini boleh membantu negara melaksanakan program pembangunan Islam secara lebih berkesan lagi. Konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan sekarang perlu disokong oleh semua pihak. Beta yakin Universiti ini khususnya, boleh memberi sumbangan kepada pelaksanaan pendekatan tersebut. Beta juga yakin, konsep Islam Hadhari ini boleh membawa Malaysia ke tahap kemajuan yang lebih pesat dan bermakna KUIM

mesti mengambil peluang ini untuk muncul sebagai sebuah universiti cemerlang, gemilang dan terbilang dalam tempoh terdekat. Dengan usaha gigih yang diambil dan perancangan yang sedang dilakukan oleh KUIM, beta yakin matlamat ini akan dapat dicapai.

Akhirnya, Beta berharap supaya semua graduan KUIM yang bakal keluar ke dalam masyarakat akan memainkan peranan secara aktif untuk memastikan konsep Islam Hadhari dilaksanakan dengan penuh bijaksana. Beta ingin melihat Negara

kita mencapai kemajuan dan pembangunan rohani dan material yang lebih pesat lagi, dan pada masa yang sama, semua lapisan masyarakat mendapat nikmat daripada pembangunan yang dicapai. Dengan demikian, Islam akan dilihat sebagai satu agama rahmat dan cara hidup progresif, dan umat Islam pula boleh muncul sebagai umat contoh dan terbaik.

Sekian sahaja, tahniah dan terima kasih.

Wassalamu alaikum warahmatullahi wa barakatuh.

UCAPAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI YANG BERHORMAT DATO' DR. HJ. MOHD. SHAFIE HJ. MOHD SALLEH

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Alhamdulillah Rabbil Alamin, wassalatu wassalammuala asyrifil ambiai walmurasalin wa'ala alihi wassahbihi ajmain.

Patik terlebih dahulu melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua dapat bersama-sama hadir di majlis yang mulia ini. Patik juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kebawah Duli Tuanku kerana berkat naungan Tuanku selaku Canselor, Kolej Universiti Islam Malaysia telah dapat berkembang dengan pesat dan bergerak pantas menuju kecemerlangan. Semoga Allah memberi limpah kurnia-Nya atas kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Patik seterusnya memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusuf Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin
Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-
Rektor *Universiti dan Kolej Universiti*

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti KUIM

Ahli-ahli Senat KUIM

Tuan-Tuan Yang Terutama Duta-Duta dan Wakil
Duta

Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri – Puan Sri

Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan dan
seterusnya para graduan sekalian

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada penganjur yang sudi menjemput saya sama-sama hadir menjayakan Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada pagi ini.

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada warga KUIM yang telah berjaya mendidik dan melahirkan 1,139 graduan sejak mula operasi pada tahun 2000. Bilangan ini termasuklah 373 graduan di hadapan saya pada pagi ini yang bakal menerima ijazah masing-masing sebentar lagi. Syabas saya ucapkan kepada saudara-saudari yang telah berjaya menamatkan pengajian dan pada hari ini saya ingin berkongsi kegembiraan bukan sahaja dengan saudara-saudari, tetapi dengan para ibubapa, ahli keluarga dan pensyarah-pensyarah yang telah memberi dorongan, sokongan dan bantuan serta berkorban demi kejayaan anda semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,
Penubuhan KUIM mencerminkan usaha berterusan Kerajaan dalam memartabatkan pendidikan Islam. Ini selaras dengan ajaran Islam yang memberi

penekanan dalam sistem pendidikan negara bermula daripada peringkat rendah sehingga peringkat pengajian tinggi.

Saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan terhadap 'connotation' atau tanggapan kurang tepat yang selalu diberikan terhadap pendidikan Islam oleh sebahagian anggota masyarakat. Konotasi itu misalnya, ilmu/pendidikan Islam membawa erti hanya pengajian berkaitan ilmu ukhrawi semata-mata. Sebenarnya pandangan sedemikian adalah jauh menyimpang daripada tuntutan ilmu dalam Islam itu sendiri. Cuba kita imbau kembali sejarah keagungan ilmuan Islam pada zaman kecemerlangan Islam lebih 400 tahun yang lalu. Nama-nama besar seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi, Al-Khayyam, Al-Farabi, Ibnu Khaldun, dan ramai lagi adalah antara tokoh ilmuan Islam yang menerokai pelbagai cabang ilmu seperti sains, perubatan, kejuruteraan, astronomi, matematik, fizik dan dan banyak lagi. Mereka ini amat disegani kerana menjadi pelopor bidang-bidang ilmu tersebut yang kemudiannya dipelajari dan diambil oleh orang-orang Barat ketika itu. Hasrat saya ialah untuk melihat umat Islam pada hari ini mengembalikan keagungan silam dengan melahirkan ilmuan-ilmuan agung seperti mereka.

Institusi pengajian tinggi merupakan platform utama yang kita wujudkan sebagai institusi ilmu yang akan melahirkan ilmuan Islam sedemikian. Justeru, atas hasrat mengembalikan kecemerlangan Islam, Kerajaan memberi perhatian serius terhadap perkembangan pendidikan Islam secara umumnya dan pendidikan agama di seluruh negara khususnya.

Para hadirin sekalian, KUIM ditubuhkan bukan sekadar untuk menjadi saluran tambahan kepada bilangan lulusan-lulusan sekolah agama yang sentiasa meningkat untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat

universiti, malah mahu menjadikannya sebagai pelopor dalam pengembangan dan penerokaan ilmu dan pembangunan negara. Selari dengan falsafah KUIM iaitu, "*Paduan antara ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu*", saya percaya KUIM akan menjadi sebuah institusi pendidikan yang mampu menyumbang kepada perkembangan ilmu dan pembangunan umat Islam pada zaman ini. Saya yakin usaha gigih seluruh warga KUIM, insyaAllah akan membuahkan hasil dan dapat melahirkan ilmuan-ilmuan Islam yang terbilang.

Saya sentiasa mengikuti perkembangan setiap institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara. Tahniah saya ucapkan kepada KUIM, khususnya kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah Pengurusan dan Ahli-ahli Senat Universiti atas kejayaan merancang, menerajui dan memacu kemajuan pesat universiti ini dalam tempoh yang singkat, khususnya dalam bidang akademik. KUIM kini menawarkan 14 program Sarjana Muda, 2 program Diploma Siswazah, 4 program Sarjana dan 4 program Doktor Falsafah (PhD). Ini juga termasuk penubuhan beberapa fakulti baru seperti Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains dan Teknologi, dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Saya menyokong penekanan yang diberi oleh KUIM terhadap kualiti dalam aspek program akademik dan pengurusan. Saya percaya program dan pengurusan yang berkualiti tinggi merupakan satu aset penting kepada universiti untuk terus bergerak maju ke hadapan. Dengan kekuatan yang ada, saya menyeru KUIM dan juga semua IPTA lain terus melipat gandakan usaha ke arah kecemerlangan dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran globalisasi dengan mempertingkatkan aktiviti 'pengantarabangsaan', bukan sahaja menarik kemasukan pelajar asing tetapi juga berupaya mengenengahkan kewibawaan kakitangannya ke peringkat antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Kepesatan perkembangan akademik universiti harus disokong dengan kemudahan prasarana yang baik. Apatah lagi bagi sesebuah universiti baru, pembangunan fizikal kampus tetap perlu diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, keutamaan ini perlu diselarakan dengan kemampuan kewangan Kerajaan. Kerajaan telah menetapkan supaya pembangunan kemudahan fizikal mestilah mengikut keperluan asas dan keperluan sebenar (*must have*), tidak cenderung kepada ciri kemewahan (*nice to have*).

Alhamdulillah, kini KUIM telah pun berpindah ke kampus tetap di Bandar Baru Nilai sejak 16 Julai 2005 yang lalu. Walaupun masih lagi belum sempurna, saya hargai kesanggupan seluruh warga KUIM, pensyarah, kakitangan dan pelajar untuk bertoleransi menghadapi sedikit kesulitan kerana infrastruktur yang masih belum lengkap sepenuhnya.

Komitmen Kerajaan untuk membina kampus tetap KUIM ini bermula sejak seawal penubuhannya lagi. Kerajaan telah memperuntukkan bajet dalam Rancangan Malaysia Ke-8 untuk pembangunan Fasa 1 kampus tetap KUIM. Kementerian telah memperakukan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sejumlah peruntukan yang besar kepada KUIM bagi dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk membiayai perbelanjaan melengkapkan kemudahan dan prasarana seperti:

- Bangunan Fakulti Sains dan Teknologi
- Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Bangunan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- Bangunan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, dan
- Bangunan Pusat TAMHIDI (Matrikulasi)

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Pada umumnya, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang begitu besar kepada sektor pendidikan negara kerana bidang pendidikan ini merupakan pelaburan yang sangat penting bagi pembangunan insan (*human capital*). Walau bagaimana pun, hasrat Kerajaan ini tidak akan dapat direalisasikan sepenuhnya tanpa sokongan dan komitmen semua pihak. Kejayaan hanya boleh dicapai dengan adanya kerjasama dan tolak ansur semua pihak.

Akhir kata, sekali lagi syabas saya ucapkan kepada saudara-saudari sebagai graduan Ketiga KUIM kerana telah berjaya mengharungi segala dugaan dan rintangan dalam proses pembelajaran sehingga anda sampai ke tahap ini. Pembelajaran bukan hanya terhenti setakat ini sahaja, tetapi ianya berterusan sehingga kita menghembuskan nafas terakhir. Ingatlah, bahawa hari ini bukanlah penamat kepada perjalanan kita, tetapi ia adalah permulaan kepada fasa baru dalam hidup kita. Ilmu dan kemahiran yang saudara-saudari timba di sini akan diuji, bukan melalui peperiksaan atau 'assignment', tetapi oleh cabaran dan persaingan dalam persekitaran pekerjaan. Saya berharap saudara-saudari akan membuktikan kebolehan dan kelebihan saudara-saudari dalam bidang masing-masing dan mampu memberi khidmat bakti yang berkualiti kepada organisasi, masyarakat dan negara.

Selamat maju jaya.

Ampun Tuanku,

Patik menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sebentar tadi.

Wabillahittaufiq walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN REKTOR YANG BERBAHAGIA PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSSIN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamudilillahi Rabbil Alamin. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan rahmat serta hidayahNya, kita semua dapat berkumpul dalam majlis yang mulia dan sungguh bererti ini. Semoga majlis ini mendapat keberkatan Allah SWT jua.

Mengadap ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik merafak sembah penghargaan yang setinggi-tingginya dan menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Tuanku mencemar duli ke Majlis ini bagi menyempurnakan Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Islam Malaysia. Dengan daulat naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku jua, majlis ini akan bertambah seri dan menjadi lebih meriah, insyaAllah. Patik-patik sekalian berdoa semoga Allah memberikan perlindungan dan kesihatan berpanjangan ke Bawah Duli Tuanku serta seluruh kaum kerabat.

Ampun Tuanku,

Patik seterusnya memohon perkenan ke Bawah Duli Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli bin A. Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti KUIM,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor / atau wakil Universiti dan Kolej Universiti Malaysia,

Yang Berbahagia Naib-Naib Canselor dan Rektor-Rektor Universiti dan Institusi Pendidikan Luar Negara,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti KUIM

Ahli-ahli Senat KUIM

Tuan-Tuan Yang Terutama, Duta-Duta dan Wakil Duta

Tan Sri-Tan Sri dan Puan Sri-Puan Sri

Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Yang dikasihi dan yang diraikan para Graduan

Ibu bapa-ibu bapa para graduan,

Tuan-Tuan, Puan-Puan, dan Para hadirin yang dihormati;

Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang kepada semua para hadirin ke Malis Konvokesyen Ketiga KUIM pada hari ini; terutamanya kepada para ibubapa bagi bersama-sama meraikan rasa kesyukuran dan kegembiraan atas kejayaan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan. Secara khusus juga saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli bin A. Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi yang mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Pada hari yang penuh bersejarah lagi istimewa ini, saya mewakili seluruh ahli akademik dan kakitangan pentadbiran Universiti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dan akan menerima ijazah masing-masing sebentar nanti. Sesungguhnya penat lelah anda semua selama tiga tahun, akhirnya, pada hari ini membuahkan hasil jua. Hari ini merupakan lambang kemuncak kesabaran dan kegigihan yang anda telah curahkan selama ini. Lebih bersejarah lagi pada tahun ini, KUIM turut melahirkan graduan sulung bagi Ijazah Sarjana, iaitu Sarjana Syariah dan Kehakiman. Tahniah dan Syabas!

Para hadirin sekalian,

Kita amat menyedari bahawa pembangunan ekonomi dan fizikal semata-mata tidak akan dapat menjamin kesejahteraan negara. Pembangunan ekonomi dan fizikal semestinya diimbangi dengan pembangunan insan. Hanya dengan pembangunan yang seimbang antara pembangunan fizikal dan insan, maka barulah negara akan dapat berkembang maju dan bertahan. Dasar pembangunan negara secara berimbang adalah jelas. Telah dinyatakan dalam Wawasan 2020, iaitu pembangunan ekonomi, sains dan teknologi yang menjadi matlamat pembangunan negara perlu diteraskan dengan pembangunan insan yang berakhlak, berdisiplin dan beretika.

Kita juga menyedari bahawa pegangan yang betul terhadap ajaran agama adalah tunggak kepada pembangunan insan dan seterusnya kepada perpaduan dan kemajuan negara. Pegangan agama yang betul pula hanya boleh dihasilkan dengan setiap anggota masyarakat memahami dengan sebenar-benarnya ajaran agama Islam secara mendalam dan teratur. Dibalikinya, perpecahan umat tidak akan dapat membantu membangunkan negara, malah sekiranya hal ini tidak dibendung, negara amnya dan umat Islam

khususnya, akan ranap. Sekiranya ini berlaku maka tidak sukar untuk membayangkan apa yang akan berlaku kepada umat Islam negara ini kemudian nanti.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab semua agar setiap ahli masyarakat mempunyai kefahaman terhadap ajaran Islam yang sebenarnya, iaitu ajaran yang tidak cenderung kepada mana-mana pihak kecuali kepada ajaran Islam itu sendiri dan berjihad ke arah kesejahteraan umatnya, dari segi ekonomi, pertahanan, politik dan juga sosialnya.

Atas landasan inilah pihak Universiti telah mensasarkan agar setiap mahasiswanya diberikan ilmu dan kemahiran yang secukupnya dari segi agama dan kehendak profesionnya. Dalam merekabentuk setiap program ijazahnya KUIM sentiasa mengambilkira aspek pembangunan insan dan juga profesionalisme dengan memasukkan komponen agama dan kehendak semasa. Oleh itu, sudah menjadi kebiasaan bagi setiap program di KUIM dimuatkan dengan komponen agama yang merangkumi akhlak dan disiplin, keperluan pasaran mengikut bidang masing-masing, pengajian umum dan ICT, iaitu selain daripada keperluan bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang diwajibkan kepada semua mahasiswa.

Segala dasar dan prinsip penyampaian ilmu yang dilaksanakan di Universiti ini adalah mengambilkira pendekatan yang dinyatakan di atas, dan dengan demikian membentuk landasan 'Pendidikan Islam Hadhari'. Dengan itu, kami percaya para graduan yang dikeluarkan oleh KUIM adalah seimbang dari segi moral dan profesionalismenya. Kami percaya mereka akan menjadi warga contoh yang mampu membangunkan masyarakatnya dan negara melalui ajaran Islam yang sebenar, sebagai seorang Muslim yang sejati, Muslim yang sederhana, yang tinggi akhlak, berdisiplin, profesional dan tidak menolak kemajuan, malah sanggup bersaing secara profesional dalam arus globalisasi.

Para hadirin sekalian,

KUIM kini memasuki tahun ke-6 penubuhannya. Sebagai sebuah Universiti Islam milik Kerajaan sepenuhnya, kewujudan KUIM melambangkan komitmen pihak Kerajaan bahawa pendidikan Islam di negara ini adalah penting dan tidak pernah dilupa atau diabaikan. Ini terbukti dengan perkembangan pesat yang dialami KUIM selama 5 tahun yang lalu, khususnya dari segi perkembangan akademiknya. Jika semasa penubuhannya terdapat 3 buah fakulti sahaja, hari ini Universiti ini telah ada 7 buah fakulti. Empat (4) fakulti tambahan tersebut adalah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (pada tahun 2002), Fakulti Sains dan Teknologi (pada tahun 2004), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (pada tahun 2004), dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (pada tahun 2005). Begitu juga dengan pertambahan program pengajian yang ditawarkan iaitu dari 3 program ijazah sarjana muda pada awalnya kini KUIM menawarkan sebanyak 14 program sarjana muda, 2 diploma lepasan ijazah, 3 program tamhidi (matrikulasi), di samping program pengajian siswazah iaitu sarjana dan doktor falsafah di 4 buah fakulti.

Bagi sesi 2004/2005, dua (2) program baru yang telah ditawarkan, iaitu Sarjana Muda Komunikasi, Sarjana Muda Kaunseling dan Sarjana Muda Sains Bioteknologi Makanan. Manakala mulai sesi 2005/2006 terdapat 8 program baru yang memulakan pengambilan kumpulan pertama pelajar-pelajarnya, pada ini termasuklah:

- Sarjana Muda Perubatan dan Bedah
- Sarjana Muda Sains (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko),
- Sarjana Muda Pengajian Quran dan Multimedia,
- Sarjana Muda Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat),
- Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa,

- Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan dan Jaminan Maklumat),
- Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab dan Komunikasi, dan
- Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang

Kesemua program baru yang mula dilaksanakan pada sesi ini, sepertimana dinyatakan di atas tadi adalah berupa program dwi-pengkhususan atau *double major*, selaras dengan dasar yang telah digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi melalui Dasar Pendidikan Tinggi Negara, di mana kursus-kursusnya adalah relevan dan menepati keperluan pasaran.

Setiap universiti mempunyai hala tuju dan matlamat tersendiri dalam memenuhi tuntutan masyarakat dan Negara. Kami di KUIM begitu juga, mempunyai cita-cita dan hasrat mahu menjadikan universiti ini sebagai antara institusi yang tersohor bukan sahaja di wilayah ini tetapi di seluruh dunia. Harapan kami di KUIM ialah untuk menghasilkan profesional ilmuan Ukhrawi dan Duniawi dalam pelbagai bidang yang berpandangan luas dan disanjung tinggi oleh masyarakat. Sewajarnya dengan tercapai hasrat yang diimpikan itu, ia akan mewujudkan masyarakat progresif, dinamik, dan bersih sesuai dengan cara hidup Islam. Dengan adanya program yang berkualiti dengan penghantar bahasa Arab dan Inggeris, serta bahasa utama yang lain, KUIM berharap akan dapat menarik lebih ramai lagi pelajar pra-siswazah dan siswazah dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran di KUIM.

Kami juga ingin mewujudkan universiti ini menjadi sebuah Pusat Pengajian dan Penyelidikan Islam yang terulung di dunia. Matlamat ini bukanlah sesuatu yang mustahil dicapai memandangkan kemajuan dan komitmen tenaga pengajar Universiti ini dalam bidang penyelidikan. Dalam tempoh yang singkat (tahun 2001 – 2005), KUIM setakat ini telah menghasilkan sebanyak 66 penyelidikan, yang melibatkan peruntukan berjumlah RM 1.25 juta.

Untuk tujuan tersebut KUIM telah pun menyediakan Perancangan Strategik 2005 - 2015. Perancangan ini mengambil kira dan mengemaskini program yang sedia ada, mengatur program baru dengan lebih teliti dan merancang program yang akan datang, supaya ianya bertaraf dunia. Selain itu, KUIM terus meningkatkan hubungan kerjasama dengan universiti-universiti luar negara dalam bidang akademik dan penyelidikan yang diperlukan. Perlantikan Professor Pelawat dan Penilai Luar serta program latihan tenaga pengajar baru yang berkelayakan tetap diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Dan dalam semua urusan serta kembangan akademik yang dirancang dan diusahakan itu, KUIM berlandaskan kepada ceruk (*niche*) yang ditetapkan baginya, iaitu teras Pengajian Islam Yang Merentasi Semua Cabang Ilmu.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pada kesempatan hari ini juga saya ingin menyatakan rasa gembira kami warga KUIM kerana kami kini telah berpijak di bumi nyata; yakni kami telah pun berada di kampus baru iaitu Kampus Tetap di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, yang sekian lama dinanti-nantikan. Walau pun kampus baru ini belum sempurna sepenuhnya dari segi infrastruktur, namun apa yang telah berjaya dibangunkan telah membolehkan kami berpindah secara berperingkat-peringkat mulai 16 Julai yang lalu. Kesediaan dan kesanggupan kakitangan dan mahasiswa kami menghadapi sedikit kesulitan dan kekurangan keselesaan, memperlihatkan betapa warga universiti ini gembira dan bermotivasi tinggi berada di kampusnya sendiri. Kegembiraan ini kami lahirkan dengan menyatakan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dan pegawai-pegawai kementerian beliau, Kementerian Kewangan, Kerajaan Negeri Sembilan, dan semua pihak yang terlibat dengan projek pembangunan Kampus Tetap ini. InsyaAllah dengan sokongan berterusan daripada semua, projek Kampus Tetap ini dijangka siap sepenuhnya

menjelang tahun 2008 dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Saya amat yakin, apabila siap sepenuhnya nanti, keindahan Kampus Tetap Universiti KUIM bakal menjadi mercu tanda dan lambang kemajuan pendidikan berteraskan Islam di negara ini. Harapan kita ialah agar dapat terus berusaha dengan gigih untuk membangunkan Universiti ini agar ia menjadi pusat pendidikan dan penyelidikan terkemuka dan bertaraf global.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu dan kerjasama terhadap kemajuan KUIM sehingga kini.

Syabas dan tahniah! sekali lagi diucapkan kepada para graduan yang telah berjaya dan akan menerima ijazah masing-masing sebentar lagi. Kepada para graduan, sukaiah saya berpesan: Gunakanlah segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang anda perolehi itu bagi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan ummah. Ingatlah, saudara saudari semua kini adalah harapan kami dan masyarakat; jagalah tingkah laku dan jadilah seorang Muslim profesional yang sejati. Saya berharap agar saudara saudari semua tidak akan mengecewakan setiap pihak yang telah mencurahkan budi baik dan berkorban untuk kejayaan anda.

Ampun Tuanku,

Demikianlah ucapan patik kepada hadirin sekalian. Menjunjung kasih Tuanku. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية والسلام
عليكم ورحمة الله وبركاته

UCAPAN TAHNIAH WAKIL GRADUAN NISAR MOHAMAD AHMAD

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَ الصَّلَاةُ وَ
السَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ الْمُرْ
سَلِينَ ، وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،
أَمَّا بَعْدُ

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah Binti Al-Marhum Tuanku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Ampun Tuanku.

Izinkan patik mewakili diri patik dan rakan-rakan beserta seluruh anggota keluarga merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Ke Bawah Duli Tuanku di atas perkenan menganugerahkan ijazah kepada pacal patik sekalian dalam Majlis yang penuh bermakna ini. Kegembiraan dan kepuasan jelas terpancar di wajah patik sekalian kerana dapat bersama-sama dalam Majlis serba gemilang ini di bawah naungan ke Bawah Duli Tuanku yang amat kami sayangi. Sesungguhnya hari ini patik sekalian tidak terkata kegembiraan ini.

Ampun Tuanku, izinkan patik menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli bin A. Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia,

Y.Bhg Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia

YBhg Prof Dato' Dr Abdul Shukor bin Hj Husin
Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia

Naib-naib Canselor dan Rektor-rektor, atau wakil-wakil Institusi-institusi Pengajian Tinggi

Pensyarah-pensyarah, Kolej Universiti Islam Malaysia

Ayahanda, Bonda

Rakan-rakan dan seterusnya hadirin hadirat sekalian

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Puji dan syukur yang tidak terhingga dipanjatkan kehadiran Allah SWT di atas limpah kurnianya yang telah dapat menghimpunkan kita semua di dalam Dewan Canselor Tun Abdul Razak yang indah permai ini sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Islam Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pertama sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah menyediakan sistem pendidikan yang mantap dengan segala kemudahannya sehingga membolehkan kami, sebagai generasi penerus, dapat menimba ilmu dengan penuh keselesaan dan menyambung pengajian kami di KUIM yang sangat kami cintai.

Pada kesempatan yang berbahagia ini, saya mengambil peluang mewakili rakan-rakan para graduan, yang sedang diliputi pelbagai perasaan

bangga bercampur gembira, untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Malaysia, tempat kami menimba ilmu sepuas-puasnya, terutamanya kepada Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj. Hussin, Rektor KUIM yang kami anggap sebagai Ayahanda kami sendiri, para pegawai kanan universiti, para dekan dan segenap kakitangan KUIM yang kami kasihi.

Tidak lupa juga kepada para pensyarah dan para guru yang tidak jemu-jemu mencurahkan ilmu, dengan begitu ikhlas, mendidik kami sepanjang tempoh pengajian kami di KUIM. Restuilah ilmu yang kami terima agar kami dapat berbakti pada agama, bangsa dan negara dengan penuh ikhlas dan amanah, dan dapat merealisasikan cita-cita negara ke arah melahirkan sebuah bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang, Inshaallah.

Kenangan indah kami pada hari ini, dengan mendapat anugerah berupa segulung ijazah, kami persembahkan buat ayahanda dan bonda tercinta serta juga seluruh keluarga. Sesungguhnya iringan doa restu ibu dan ayah telah membuahkan kejayaan buat kami. Ribuan ringgit dan segala susah payah ibu dan ayah sudah tentu tidak akan terganti oleh kami. Tetapi segulung ijazah yang sangat berharga ini telah menjadi saksi nyata bahawa kami tidak pernah mensia-siakan idaman dan harapan ibu dan ayah. Terima kasih ayahanda dan bonda.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, jadikanlah ijazah yang diperoleh pada hari ini sebagai pendorong untuk berbakti dengan penuh ikhlas dan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara, mengikut bidang kepakaran masing-masing. Kejayaan yang telah dicapai pada hari ini jangan sekali-kali dicemari dengan sikap-sikap negatif dan sikap tidak mampu memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Sebagai insan yang berilmu, pupuklah sifat-sifat ikhlas, sabar, istiqamah dan takwa dalam jiwa, agar kita mendapat kejayaan dunia dan akhirat insyaAllah.

بها الحفل الكريم

أصالة عن نفسي ونيابة عن زملائي و زميلاتي الخريجين و الخريجات، يسرني في هذه المناسبة السعيدة أن أعبّر عن عميق شكري و امتناني لهذه الجامعة، و أعتبر أن وجودنا في جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا كان فرصة ثمينة لإصلاح النفس و تزيينها بالعلوم النافعة و مكارم الأخلاق. وتدبروا قول الشاعر حين قال: " ليس الجمال بأثواب تزينك # إن الجمال جمال العلم و الأدب " و إن هذا العصر في أمس الحاجة إلى علما و خبراء قادرين على مواجهة متطلبات العصر لرفع مكانة الأمة الإسلامية في شتى المجالات. و نحن خريجون و خريجات هذه الجامعة سنظهر قدرتنا بمشيئة الله تعالى- لتحقيق هذا الهدف النبيل خدمة للدين و الشعب و الوطن.

Ladies and Gentlemen,

Success does not come easily. Success results from enthusiasm, sacrifice, struggle and hard work. The sweetness of success can only be experienced by those who really make these required efforts. Perhaps our humble achievement will become a source of inspiration for others.

During our three-year study, we observed progress and many improvements that have been carried out for the benefit students. We now have seven

faculties and also Tamhidi Centre. There are many more new market-driven programs being offered. For example, who would imagine religious-based students be taking Quranic Studies with Multimedia? Nowadays, our colleagues are able to pursue industrial training overseas. There are many more scholarships are being offered to our colleagues by many private agencies. This reflects the foresightedness of KUIM' management.

We carry a tinge of 'kempunan' as we were unable to savor the feeling of permanent campus. However, we are very, very happy that KUIM has started its first phase of transfer to the permanent campus on 16 July 2005 and will be followed by the main transfer

at the end of this month or early September. Well, we may have to come back to do our postgraduate program or even to apply for a position in order to savor the life of new, beautiful and ultra modern campus!

Sekian dulu ucapan saya, terima kasih diucapkan,

Wabillahittaufik wal hidayah, Wassalamualaikum
Wr.Wb

SENARAI GRADUAN

SARJANA SYARIAH DAN KEHAKIMAN

SABAH LATIF AHMED

SARJANA MUDA SYARIAH DAN KEHAKIMAN DENGAN KEPUJIAN

KELAS PERTAMA

KASSIM BIN SALLEH
MOHAMAD ZAHARUDDIN BIN ZAKARIA
NISAR MOHAMMAD BIN AHMAD

NORIAH BINTI TAIB
TENGGU FATIMAH MULIANA BINTI
TENGGU MUDA

KELAS KEDUA BAHAGIAN ATAS

AHMAD SAFUAN BIN ALI
ALYANEE BINTI AHMAD
ASMA BINTI MAT SALLEH
AZIZA HAWA BINTI MOHAMAD RIDZWAN
CHE ZUWARIYAH BINTI RAMLY
ELLYZA BINTI HASSAN
FAIZAH NOR BINTI GHAZALI
FARHANA BINTI HUSSIN
FATIMATUZ ZAHRAH BINTI IDRIS
FAUZI BIN RAMAN
HAMIDAH BINTI SUHAIMI
MOHAMAD SAMIR BIN SULAIMAN
MOHD AZAM BIN ABDULLAH
MOHD FAIZUL BIN HUSSIN
MOHD KHAIRUL AIDIL KHIDIR BIN ROZALI
MOHD ZAID BIN YEDIN
MUHAMAD RADHI BIN ROSLY
MUHAMMAD ADIB BIN A RASHID
NOOR HABIBAH BINTI ABD HALIM
NOOR HAYATI BINTI MOHAMAD ISMAIL
NOR ASNIAH BINTI MOHD NOH
NOR AZAH BINTI AHMAD HADANI

NOR AZIANA BINTI MOHAMAD
NOR HAZILA BINTI CHE IBRAHIM
NOR ROSYIDAH BINTI MOHAMED TAHIR
NOR SYAMSIDAT BINTI ISMAIL
NORA @ NURUL ZALINA BINTI ROZALAN
NORALISZA BINTI MASRI
NORAZLINDA BINTI ABDUL HALIM
NORAZURA BINTI SUDIN
NORHIDAYAH BINTI MAT DARUS
NORMAISARAH BINTI ISMAIL
NORWATI @ NURAI SYAH BINTI MOHD NOR
SAENA BINTI SUARDI
SHADLI BIN SABARUDIN
SHAHNIZAN BIN ISHAK
SITI AISHAH BINTI RAZALI
SITI AMINAH BINTI ABD RAZAK
SITI AZHANI BINTI SUJARI
SITI NUR 'AISYAH BINTI RAHMAT
SITI SYAQEERAH BINTI YA'AROP
SUKARNI BINTI SALLEH
WAN SALEHA BINTI WAN ABDULLAH

KELAS KEDUA BAHAGIAN BAWAH

ABDUL BASITS BIN MOHAMED MOKHTAR
ABI SALNI BINTI AHMAD

AHMAD RIDZUAN BIN ABD MALIK
ALIZAWATI BINTI ADNAN

ASHIKIN AINI BINTI ABDULLAH
A'TIKAH BINTI KADER
AZLINA BINTI ABDUL TALIB
AZMONA BINTI ZAKORA
CHE ASMAWATI BINTI CHE AHMAD
ELIA BINTI IBRAHIM
ENI MALISA BINTI MD YUSOF
FAEZAH BINTI ISMAIL
FAIZAH BINTI MAT DAUD
FAIZAH BINTI ZAINUDDIN
FARHANA BINTI HARROON
FARHANA BINTI TALIB
HABIBAH BINTI MADIRAN
HAFIZUL BIN RAHMAN
HAMDIAH BINTI ADOM
HAZIFAH BINTI TARMIDI
HUSAIMI BIN MOHAMAD
KHAFIFAH BINTI ASRI
KHUSHAZMI BIN KAMARUZAMAN
MAHFUZAH BINTI JAMIL
MARIZAN BINTI AHMAD
MASHITAH BINTI ASNAN
MOHD AMINURRASYID BIN KUSNI
MOHD FIRDAUS BIN MAULUDIN
MOHD NORHIDAYAT BIN AHMAD
MOHD RISAH BIN HUSAINI
MOHD ROSNIZAM BINTI ABDULLAH SATAR
MOHD SYAHRIL B. MOHD BAKHAIR
MUHAMAD AZUAN BIN ISMAIL
MUNAWIRAH BINTI ISA
NAILAH BINTI ABDULLAH
NOOR AZLINA BINTI CHE HASAN
NOOR HANIZIAH BINTI ABDUL HAMID
NOR ARAFAH BINTI JAMALUDDIN
NOR AZALIZA BINTI MUSA

NORANIZA BINTI IDRUS
NORAZURA BINTI GHAZALI
NORFARAZITA BINTI BASRI @ HASHIM
NORHAYATI BINTI NORDIN
NORIME BINTI RASHID
NUR ASHIDA BINTI RAMLI
NUR FAZURAH BINTI ABU TALIB
NUR HAFIZA BINTI ABD RAZAK
NUR HAJAR BINTI LATIF
NUR NADIA BINTI TALIB
NURHANIAH BINTI HAJI SOOD
NURUL ASHIQIN BINTI HUSSAIN
NURUL FADZILAH BINTI ABU ZARIM
NURUL HUDA BINTI ARIFFIN
RADHIAH BINTI AB RAHIM
RAFIDAH BINTI SURIMAN
RAIHAN BINTI JAAPAR
RAUDZAH BINTI HJ MOHD MOKHTAR
ROSLAILI BINTI NGAH
ROSLINAWATI BINTI JUSOH
SABRINA BINTI BIDIN
SAIDAHNAFISAH BINTI MOHAMED YASIN
SAKINAH BINTI ISMAIL
SALWANI BINTI AHMAD
SERI RAHAYU BINTI SALEH
SHAZRY MUNIR BIN SAHIDAN
SITI HALIZARINI BINTI ALI
SITI MAHMUDAH BINTI ANUAR
SITI NORANI MAZME BINTI NGAMI
SITI RAHAYU BINTI MD. RAZALI
SITI ROHANI BINTI SHARIBAN
SURIANA BINTI SEMIN
SYED HAIDER BIN SY ED ALLOIDIN
SYURIAWATI BT. MAT RASID
WAN NORLEWATI BINTI WAN DAUD

KELAS KETIGA

AEIDAWATEY BINTI ABDULLAH
FARIANAWATI BINTI ABDULLAH
HANIZAH BINTI HASSAN
MOHD NASARUDDIN BIN MOHD NAWAWI
MOHD ROZMI BIN ISMAIL
NOOR AINI BINTI BAHARUDIN
NOR SALBIAH BINTI MOHD SIDEK

NORAZAH BINTI AZIZ
NORIANA BINTI AHAMAD SAPARI
NUR AISYAH BINTI ZAWAWI
SHHRUL HAFIZ BIN RAMLI
SITI AMIZAH BINTI MOHAMAD KAMILAN
TAJULARIFIN BIN HAMZAH
ZALINA BINTI ZAHARI

SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN KEPUJIAN

KELAS PERTAMA

ABD MUHAIMIN BIN AHMAD
MOHD HAFIZAN BIN SUDIN

NORSYIDA BINTI MD ZIN
SITI IRFAH BINTI ISMAIL

KELAS KEDUA BAHAGIAN ATAS

ABD HAKIM BIN ZULKIFLI
AIDAH BINTI MAIDIN
AIDALAILA BINTI SEMAN
DEWI RATNA BINTI BADIUZAMAN
DZULHASNAN BIN ZULKERPERI
FADZILAH BINTI ROSLAN
FARAH HANANI BINTI KASIN
IBRAHIM ADHAM BIN ASMAIL @ ISMAIL
IZZATY FATIHA BINTI AHMAD
KAMARULZAMAN BIN ISMAIL
MOHAMAD FAHIM BIN MUSTAPA
MOHD HAIZUL ARNY BIN CHE WILL
MOHD ROSDI BIN SULAIMAN
MOHD TAUFIK BIN JAMALUDIN
MOHD YUSLAN BIN YUSOF
MOHD ZULKIFLI BIN SAID
MUHAMAD SAFIR BIN MOHAMAD SAAD
MULIYADI B. MOHAMMED
NAJIHAH BINTI HUDOH @ RAMLI
NAZARIA ULFA BINTI MOHD NOR
NOOR FAZILAH BINTI MOHD BASIRON
NOORHANA BINTI ARAN
NOR FAIEZA AZLIENA BINTI ISMAIL
NOR HELMI BIN OTHMAN
NORHANIDA BINTI OTHMAN

NORHASIMAH BINTI MOHD NORDIN
NURHAMIZA BINTI MD DESA
RADZIAH BINTI MOHAMMAD
RAIFIDRA BINTI SOFYAN
RIHANA BINTI YUSOF
ROSMAWATI BINTI DAHARI
SAKINAH BINTI ABDUL AZIZ
SHHRULKARNAIN B. MOHAMAD NAZIR
SITI AISYAH BINTI ADNIN
SITI FATIMAH BINTI HAJI MAT ARIS
SITI FATIMAH BINTI MURAT
SITI HASMAH BINTI MUHAMAD DON
SITI KHAIRIAH BINTI KAMARUL ZAMAN
SITI MAISARAH BINTI MABNI
SITI SALHAH BINTI MD SALEH
SUHAILA BINTI HARUN
SURIANY BT IDRIS
TAHIRAH BINTI MHD SAID
TAYIBAH BINTI AHMAD
UMI HANIS BINTI NA'IM
WAN SYAKIMAH BT W. MUSTAFFA
ZAINAL BIN HARUN
ZAITON BINTI ISMAIL
ZUBAIDAH BINTI JAAFAR
ZULAYHA BINTI BURHAN

KELAS KEDUA BAHAGIAN BAWAH

AINUL AZLAN SYAH BIN KAMISAN
'ATIQA BINTI MOHAMED
AZRANI BINTI ADAM
FADHILAH BINTI ABDUL KADIR
HALIMATUN SA'ADIAH BINTI ZAWAWI
HASHRULIZAM BIN MD SHAH

HASSNANI BINTI YUSOP @ KASSIM
KHOIRUSSYAKIROH BINTI SALIMIN
MARIA ULFA BINTI MOHD ZAJULI
MASHITAH HANIAHTUL ASHIQIN BINTI
NGADIMAN
MOHD HAZLI BIN ANUAR

MOHD IMRAN BIN RAMDAN
MOHD NAJIB BIN IBRAHIM
MOHD NAZRI BIN SHAHROM
MOHD NURUL HAFIZ BIN AHAMAD
MOHD RIDZUAN BIN MAT NAWI
MOHD YUNUS BIN MOHD YUSOF
MOHD ZAKARIA B. MOHD YUSAFF
MUFIDAH BINTI KADZRI
MUHAMMAD 'IZZUDDIN B. MOHAMAD ADI
MUZLIFAH BT ABU BAKAR
NIK SUWARI BT RAJA SOH
NOOR AZAM BIN OSMAN
NOORHIDAYAH BINTI BUSTAMAM
NOR HASNIZA BINTI ZINUL ABIDIN
NORAIHAN BT AB. RAHMAN
NORASYIKIN BINTI MOHAMED AMIR
NORAZIMAH BINTI KAMARUDDIN
NORIANA BINTI MD NOOR
NORNAZLINA BINTI HARUN
NORSILAWATI BINTI RAZALI

KELAS KETIGA

MOHD FADZLI BIN MOHD ALI
NOORLAILA BINTI WAGIMAN
NOR HAFIZOH BINTI ABDUL AZIZ
NORAZLINA BINTI MOHD NOOR
NORHAIDA BINTI YAHYA
NORLINI BINTI MOHD NOOR

NUR IKRAM BIN ABDUL RAUB
NURAHAYU BINTI HAMID
NURI HAIKAL BIN MISRI
NURUL QALBI BINTI IDRIS
NURULIZZAH BINTI BACHOK
PITORIA BINTI SHAARI
RAHAIZA BINTI MOKHTAR
RAZIAH BINTI YASAK
ROSLIZA FAIZ BINTI MOHD HATA
RUZIANA BINTI ALWI
SAFIYAH SALIHAH BINTI AZMI
SALMA BT TAHA
SITI FARIDAH BINTI ABD MANAP
SITI KHATIJAH BINTI SERATAMAL
SITI ROHANI BINTI RASHID
TUTY ALAWYIA BINTI MISBAH
ZALENA BINTI BEDOL
ZALINA BINTI MD. SAID
ZITY FARHAN BINTI HASSAN
ZUR Aidah BINTI MOHD ZAID

RUSNANITA BINTI MD. NOR
SITI MARIAM BINTI HAMZAH
SITI SHARIFAH BT KURMAN
ZAFARUL IDHAM BIN SHAMULI
ZURAINI BINTI MOHD TAIB

SARJANA MUDA DA'WAH DAN PENGURUSAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

KELAS PERTAMA

HASLINDA BINTI ABDUL SAMAD
MAHAZAN BIN ABDUL MUTALIB@TAIB

KELAS KEDUA BAHAGIAN ATAS

ABD RAZAK BIN MOHD DAROM
AZITA BINTI ABDULLAH
FARHATI 'AFIFAH BINTI ADAHAM
FAZLINA BINTI IBRAHIM

FAZLINA BINTI RASHID
HANIM FARANIZA BINTI ABDUL RAZAK
HARIS FADZILLAH BIN HUSSAIN
HELDAFIZA BINTI ZULKEFLY

ISNI BINTI MOHD ISA
JAMILAH BINTI ABU HASSAN
JAZIRATUL SHILA BINTI JAMAL
KAMARUL NIZAM BIN MUHAMAD KHALID
LELI BINTI YAACOB
MD SAIRIE BIN MAT DAUD
MOHD AZHAR BIN MAIL
MOHD SHAIPUDDIN BIN AB KADIR
MOHD SUKERI EFFENDI BIN ZAINOL ABIDIN
NADIAH BINTI YUSOFF
NOR AZIZAH BINTI TUKIRAN
NOR FAIZAH BINTI ISMAIL
NOR HALIMAH BINTI ABU BAKAR
NORDIANA BINTI NORDIN
NORHASIMAH BINTI IDRIS
NORHAYATI BINTI WAHAB
NUR SUHADA BINTI MD SULI
NURAINUN MUKARAMAH BINTI MOHAMAD ROSLI
NURAZWIDA BT ABDUL SAMAT

NURHUDA BINTI ABD AZIZ
NURLATIFAH BINTI SAID
NURUL ASA'ADAH BINTI SAID
NURUL QAMAR BINTI RAMLI
ROHAIZA BINTI ZAINAL ABIDIN
ROHANA BINTI ABDULLAH
ROZINI BIN MOHAMED
SHARIFAH HANUM BINTI MOHD NASIR
SHOBIHAH BINTI MANSOR
SITI FADILAH BINTI SAION
SITI HAJARIAH BINTI MUHAMMAD
SITI HAWA DELAILA BINTI TUKIRAN
SITI KASMA BINTI YAACOB
SITI NUR IZZAH BINTI ABDULLAH
SITI NURULAINI BINTI AHMAT @ AHMAD
SRIMIS MINARWATI BINTI ABDUL KADIR
TUAN NUR HAMIMAH BINTI TUAN IBRAHIM
WAN NUR HAFIZAH BINTI WAN ADIK
ZAREENA BINTI AHMAD

KELAS KEDUA BAHAGIAN BAWAH

ABDUL FATAH BIN AB HALIM
ABDULLAH BIN KAMARUDZZAMAN
ANIS BINTI BAHARUDDIN
ASLIZAINI BINTI AWANG
AZIZATUL AKMA BINTI AHMAD YASSIN
AZIZI BIN ABD WAHID
BASYIROH BINTI ISMAIL
DZURINA BINTI DZULKIFLI
FAIZAH BINTI KAMARUDING
HAFIZAN BINTI HASSAN
HARMIZI BIN HAMID
INTAN AZIZAH BINTI MOHD NASIR
ISMASUHaida BINTI ISAHAK
MARDIANA BINTI MUSTAPHA KAMAL
MASWANI BIN MISKAM
MAWADDAH BINTI MUHAMMAD
MOHAMAD ASRI BIN ISHAK
MOHAMAD REDZUAN BIN IDRIS
MOHD ASRI BIN SAPUAN
MOHD HAKIM BIN ABDUL KHADI

MUHAMAD AZHARUDIN BIN LOLANG
MUHAMMAD ZAKI BIN BORHAN @ ROHAN
MURNI WATIE BINTI RAJAB
NATRAH BINTI ROZALI
NOORASNI BINTI ASMAIL
NOORIMA BINTI SAIM
NOR AISYAH BINTI ABD RAHIM
NOR AKMALLIZA BINTI ADENAN
NOR FAREHA BINTI HAMDAN
NORAFIDAH BINTI MOHD RESEDI
NORAZELA BINTI SAMSURI
NORAZLINA BINTI OMAR
NORHAZLINA BINTI RADZUAN
NORLAILA BINTI ABD LATIFF
NORMASLINA BINTI MANSOR
NORZAIMAH BINTI MOHAMED ZAINUDIN
NUR AZMALIANA BINTI ALIAS
NURAIN BINTI ROSLAN
NURSHUHADA BINTI ABD SAMAD
ROSMALINA BINTI HUSSEIN

SABARIAH BINTI MOHAMAD NOOR
SALINA BINTI ABDULLAH SANI
SANTI BINTI IBRAHIM
SHAH RIZUL IRMA BINTI ZULKIPLY
SHARIFAH MASLINA BINTI SYED AB GHAPAR
SITI AINISAH BINTI MASAUD
SITI HALAWATI BINTI MAT SAHRI
SITI KHAFIZAH BINTI MD ONZER

KELAS KETIGA

HASLINA BINTI HASSAN
HELMIAH BINTI HASSAN
MARIANI BINTI IBRAHIM
MAZZIANA BINTI MARZUKI
MOHD ASRI BIN ABD WAHAB
MOHD ERHAM BIN EHWAN
NOORAIDA BINTI ABD KADIR
NORHASHIMAH BINTI SHAABAN
NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD NAWAWY

SITI KHALIJAH BINTI ABD AZIZ
SURAYA BINTI SAAD
SURIANA BINTI SULAIMAN @ ABD KARI
SUZILAH BINTI SHAMSUDDIN
SUZIRA BINTI SHA'ARI
ZANARIAH BINTI JEMAAT
ZULIAWATI BINTI MOHD NAFIAH

NORZILINA BINTI ZALI
NURIZAIDAWATY BINTI MD NAWI
NURUL AINI BINTI MOHD NOR
ROSLINA BINTI JAAFAR
ROSMAWATI BINTI KINO @ WAGINO
SITI NOR ZAKIAH BINTI JALI
SITI NOREHAN BINTI JASMI
SITI NORMALA BINTI MASRI
ZAURODA BINTI SAHAR

PENERIMA ANUGERAH

ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

NISAR MOHAMAD AHMAD

ANUGERAH CANSELOR

MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA

PINGAT EMAS REKTOR

KASSIM SALLEH

HADIAH BUKU UNIVERSITI

ABD. MUHAIMIN AHMAD
TENGGU FATIMAH MULIANA TENGGU MUDA
SITI IRFAH ISMAIL
MAHAZAN ABDUL MUTALIB @ TALIB
HASLINDA ABDUL SAMAD

HADIAH BUKU FAKULTI

Hadiah KFC Holdings Malaysia Berhad (Graduan terbaik bagi program Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian)

MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA

Hadiah Salbiah Songket Sdn. Bhd. (Graduan terbaik bagi program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian)

ABD. MUHAIMIN AHMAD

Hadiah YADIM (Graduan terbaik bagi program Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian)

MAHAZAN ABDUL MUTALIB @ TALIB

Hadiah Angsa Delima Sdn Bhd (Graduan terbaik dalam bidang ko kurikulum)

NISAR MOHAMAD AHMAD



Diterbitkan oleh:
Pejabat Pendaftar,
Kolej Universiti Islam Malaysia
<http://www.kuim.edu.my>

Susunatur & Percetakan oleh:
Bahagian Akademik, Kolej Universiti Islam Malaysia